



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Pejabat Pos (Pindaan) 1981
DR.21/1981

D.R. 21/81

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pejabat Pos 1947.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pejabat Pos (Pindaan) 1981. Tajuk ringkas.
2. Akta Pejabat Pos 1947, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "of delivering postal articles to the addressee," dalam baris lima perenggan (d) seksyen 3 perkataan-perkataan "or to a box provided, pursuant to rules made under section 24, on or contiguous to any premises or the compound thereof for the receipt of postal articles bearing the address of those premises;". Pindaan bagi seksyen 3. Akta 211.
3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) seksyen kecil (2) seksyen 24 perenggan (aa) yang berikut: Pindaan bagi seksyen 24.

"(aa) require the owner or occupier of any premises to provide, on or contiguous to those premises or the compound thereof, boxes of such description as may be specified for the receipt of postal articles bearing the address of those premises;".

Pindaan
bagi
seksyen 34.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Assistant Controller of Posts" dan "Controller of Posts" di mana saja terdapat dalam seksyen 34 masing-masing dengan perkataan-perkataan "Senior Postal Officer" dan "Special Grade Postal Officer".

Pindaan
bagi
seksyen 35.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Assistant Controller" dalam seksyen kecil (1) seksyen 35 dengan perkataan-perkataan "Senior Postal Officer".

Pindaan
bagi
seksyen 69.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "fifty" dan "five hundred" dalam seksyen kecil (2) seksyen 69 masing-masing dengan perkataan-perkataan "two hundred" dan "two thousand".

Pindaan
bagi
seksyen 88.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen kecil (1) seksyen 88 dengan seksyen kecil (1) yang berikut:

"Magis-
trate's
Court to
have full
jurisdiction.

88. (1) Notwithstanding the provisions of any written law to the contrary, a Magistrate's Court of the First Class may try any offence under this Act or rules made thereunder and impose the full penalty for such offence."

Pindaan
bagi
seksyen 90.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Assistant Superintendent" dalam seksyen kecil (1) seksyen 90 dengan perkataan-perkataan "Assistant Postal Officer".

Pindaan
bagi
seksyen 90A.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Assistant Superintendent" dalam seksyen 90A dengan perkataan-perkataan "Assistant Postal Officer".

Pindaan
bagi
seksyen 93.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "five" dalam seksyen 93 dengan perkataan "twenty".

Pindaan
bagi
seksyen 94.

11. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "one" dalam seksyen kecil (3) seksyen 94 dengan perkataan "four".

12. Kecuali dalam seksyen 104 dan jika konteksnya menghendaki maksud sebaliknya, apa-apa rujukan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis terhadap seseorang Penolong Penguasa Pos, Penolong Pengawal Pos atau Pengawal Pos hendaklah dimaksudkan masing-masing sebagai rujukan kepada seseorang Penolong Pegawai Perkhidmatan Pos, Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Kanan dan Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Khas.

Rujukan di bawah Akta atau mana-mana undang-undang bertulis.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pejabat Pos 1947 untuk mempercepatkan penyerahan barang-barang pos ke bangunan berbilang tingkat dan premis yang mempunyai kawasan dan memperuntukkan bagi perubahan-perubahan dalam sistem penamaan jawatan, penambahan penalti bagi kesalahan-kesalahan tertentu dan pembicaraan bagi kesalahan di bawah Akta oleh Mahkamah Majistret Kelas Satu.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda perenggan (d) seksyen 3 Akta untuk memperluaskan hal keadaan dalam mana barang pos hendaklah disifatkan sebagai terserah kepada si dialamat. *Fasal 3* mengandungi pindaan kepada seksyen kecil (2) seksyen 24 Akta yang akan membolehkan kaedah-kaedah dibuat menghendaki pemunya atau penduduk mana-mana premis supaya mengadakan peti untuk dimasukkan barang-barang pos yang mempunyai alamat premis itu.

3. *Fasal-fasal 4, 5, 8 dan 9* mengandungi peruntukan-peruntukan bertujuan menggantikan nama jawatan bagi Penolong Pengawal Pos, Pengawal Pos dan Penolong Penguasa Pos dalam seksyen-seksyen 34, 35, 90 dan 90A Akta masing-masing dengan nama jawatan Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Kanan, Pegawai Perkhidmatan Pos Tingkatan Khas dan Penolong Pegawai Perkhidmatan Pos. *Fasal 12* mengandungi peruntukan am mengenai bagaimana rujukan-rujukan di bawah Akta atau mana-mana undang-undang bertulis terhadap nama jawatan yang tersebut di dalamnya dimaksudkan.

4. *Fasal-fasal 6, 10 dan 11* bertujuan meminda masing-masing seksyen 69, 93 dan 94 Akta untuk menambahkan penalti kewangan dalam seksyen-seksyen itu empat kali ganda. Pindaan yang terkandung dalam *fasal 7* bertujuan memberi Mahkamah Majistret Kelas Satu bidangkuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan mengenakan penalti penuh bagi kesalahan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1076.]